



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN AHAD, 2 NOVEMBER 2025



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



2/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<b>KERAJAAN KAJI KEMUNGKINAN HARAMKAN ROBLOX, UMI - NANCY SHUKRI</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1466371/kerajaan-kaji-kemungkinan-haramkan-roblox-umi-nancy-shukri">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1466371/kerajaan-kaji-kemungkinan-haramkan-roblox-umi-nancy-shukri</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1282559/kerajaan-kaji-kemungkinan-haramkan-roblox-umi-nancy-shukri">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1282559/kerajaan-kaji-kemungkinan-haramkan-roblox-umi-nancy-shukri</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-kaji-kemungkinan-haramkan-roblox-umi-nancy-shukri-545643">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-kaji-kemungkinan-haramkan-roblox-umi-nancy-shukri-545643</a>	ASTROAWANI.COM	
	<a href="https://thesun.my/berita/tempatan/kerajaan-kaji-haramkan-roblox-umi/">https://thesun.my/berita/tempatan/kerajaan-kaji-haramkan-roblox-umi/</a>	THESUN.MY	
	<a href="https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/01/kerajaan-kaji-kemungkinan-haram-roblox-umi">https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/01/kerajaan-kaji-kemungkinan-haram-roblox-umi</a>	FREEMALYSIATODAY.COM	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2025/11/1306347/nancy-shukri-govt-mulling-possible-ban-roblox-omi">https://www.nst.com.my/news/nation/2025/11/1306347/nancy-shukri-govt-mulling-possible-ban-roblox-omi</a>	NST.COM.MY	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2486021">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2486021</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://theedgemalaysia.com/node/776539">https://theedgemalaysia.com/node/776539</a>	THEEDGEMALAYSIA.COM	
	<a href="https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2486022">https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2486022</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.thevibes.com/articles/news/114912/roblox-and-umi-online-games-likely-to-be-banned-over-youth-safety-concerns-nancy">https://www.thevibes.com/articles/news/114912/roblox-and-umi-online-games-likely-to-be-banned-over-youth-safety-concerns-nancy</a>	THEVIBES.COM	
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/11/01/malaysia-could-pull-plug-on-roblox-as-govt-reviews-safety-of-online-games-for-children-says-nancy/196845">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/11/01/malaysia-could-pull-plug-on-roblox-as-govt-reviews-safety-of-online-games-for-children-says-nancy/196845</a>	MALAYMAIL.COM	
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/11/01/kerajaan-semak-kawalan-kandungan-permainan-video-dalam-talian/">https://www.tvsarawak.my/2025/11/01/kerajaan-semak-kawalan-kandungan-permainan-video-dalam-talian/</a>	TVSARAWAK.MY	
	<a href="https://www.sarawaktribune.com/malaysia-reviews-smartphone-use-guidelines-for-childrens-safety/">https://www.sarawaktribune.com/malaysia-reviews-smartphone-use-guidelines-for-childrens-safety/</a>	SARAWAKTRIBUNE.COM	
	<a href="https://malaysiatribune.news/berita-semasa/roblox-umi-mungkin-diharamkan-nancy-shukri/">https://malaysiatribune.news/berita-semasa/roblox-umi-mungkin-diharamkan-nancy-shukri/</a>	MALYSIATRIBUNE.NEWS	
	<a href="https://majoriti.com.my/maya/2025/11/01/susulan-insiden-dua-beradik-di-batu-pahat-kerajaan-pertimbang-larangan-roblox-demi-keselamatan-kanak-kanak">https://majoriti.com.my/maya/2025/11/01/susulan-insiden-dua-beradik-di-batu-pahat-kerajaan-pertimbang-larangan-roblox-demi-keselamatan-kanak-kanak</a>	MAJORITI.COM.MY	
	<a href="https://suarasarawak.my/malaysia-kaji-sekatan-telefon-pintar-kanak-kanak-ikut-jejak-australia/">https://suarasarawak.my/malaysia-kaji-sekatan-telefon-pintar-kanak-kanak-ikut-jejak-australia/</a>	SUARASARAWAK.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



2/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/11/01/govt-mulling-possible-ban-on-roblox">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/11/01/govt-mulling-possible-ban-on-roblox</a>	FREEMALYSIATODAY.COM	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/01/govt-mulling-possible-ban-on-roblox-says-nancy">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/01/govt-mulling-possible-ban-on-roblox-says-nancy</a>	THESTAR.COM.MY	
	<a href="https://worldofbuzz.com/govt-considering-ban-on-popular-online-game-roblox-over-safety-content-concerns/">https://worldofbuzz.com/govt-considering-ban-on-popular-online-game-roblox-over-safety-content-concerns/</a>	WORLDOFBUZZ.COM	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/11/01/kerajaan-sedang-pertimbang-haramkan-platform-permainan-roblox-nancy">https://www.utusanborneo.com.my/2025/11/01/kerajaan-sedang-pertimbang-haramkan-platform-permainan-roblox-nancy</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	<a href="https://dayakdaily.com/msia-mulls-tougher-controls-on-online-games-following-roblox-attack-in-batu-pahat/">https://dayakdaily.com/msia-mulls-tougher-controls-on-online-games-following-roblox-attack-in-batu-pahat/</a>	DAYAKDAILY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	<b>MTL: 9,058 PPS SELURUH NEGARA SEDIA DIAKTIFKAN</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/mtl-9,058-pps-seluruh-negara-sedia-diaktifkan">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/mtl-9,058-pps-seluruh-negara-sedia-diaktifkan</a>	BERITA.RTM.GOV.MY	
	<a href="https://www.theborneopost.com/2025/11/01/sarawak-steps-up-disaster-preparedness-as-northeast-monsoon-looms/">https://www.theborneopost.com/2025/11/01/sarawak-steps-up-disaster-preparedness-as-northeast-monsoon-looms/</a>	THEBORNEOPOST.COM	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/11/01/kerajaan-sarawak-perkukuh-siap-siaga-hadapi-musim-mtl-nancy">https://www.utusanborneo.com.my/2025/11/01/kerajaan-sarawak-perkukuh-siap-siaga-hadapi-musim-mtl-nancy</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	<a href="https://utusansarawak.com.my/nancy-9058-pps-sedia-hadapi-monsoon-timur-laut/">https://utusansarawak.com.my/nancy-9058-pps-sedia-hadapi-monsoon-timur-laut/</a>	UTUSANSARAWAK.MY	
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/11/01/jkm-sarawak-perkukuh-kesiapsiagaan-hadapi-monsoon-timur-laut/">https://www.tvsarawak.my/2025/11/01/jkm-sarawak-perkukuh-kesiapsiagaan-hadapi-monsoon-timur-laut/</a>	TVSARAWAK.MY	
	<a href="https://suarasarawak.my/nancy-9000-pps-sedia-hadapi-monsoon-timur-laut/">https://suarasarawak.my/nancy-9000-pps-sedia-hadapi-monsoon-timur-laut/</a>	SUARASARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	<b>PENINGKATAN JENAYAH SEKSUAL REMAJA TUNTUT PENYELESAIAN SEGERA</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolum/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/peningkatan-jenayah-seksual-remaja-tuntut-penyelesaian-segera">https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolum/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/peningkatan-jenayah-seksual-remaja-tuntut-penyelesaian-segera</a>	BERITA.RTM.GOV.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



2/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	<b>WANITA WARGA EMAS HILANG SEJAK SELASA DITEMUI MENINGGAL DUNIA DALAM PARIT DI KEBUN PISANG</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1466454/wanita-warga-emas-hilang-sejak-selasa-ditemui-meninggal-dunia-dalam-parit">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1466454/wanita-warga-emas-hilang-sejak-selasa-ditemui-meninggal-dunia-dalam-parit</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/755008/berita/semasa/warga-emas-hilang-tiga-hari-ditemui-mati-dalam-parit-kebun">https://www.sinarharian.com.my/article/755008/berita/semasa/warga-emas-hilang-tiga-hari-ditemui-mati-dalam-parit-kebun</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2486100">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2486100</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://thesun.my/berita/tempatan/wanita-warga-emas-hilang-ditemui-meninggal-dunia-dalam-parit/">https://thesun.my/berita/tempatan/wanita-warga-emas-hilang-ditemui-meninggal-dunia-dalam-parit/</a>	THESUN.MY	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/01/missing-77-year-old-ipoh-woman-found-dead-in-banana-plantation">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/01/missing-77-year-old-ipoh-woman-found-dead-in-banana-plantation</a>	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	<b>POLIS MOHON BANTUAN KESAN KANAK-KANAK, REMAJA HILANG DI PUCHONG</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1282623/polis-mohon-bantuan-kesan-kanak-kanak-remaja-hilang-di-puchong">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1282623/polis-mohon-bantuan-kesan-kanak-kanak-remaja-hilang-di-puchong</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/755000/berita/semasa/polis-minta-orang-ramai-bantu-jejak-remaja-kanak-kanak-hilang">https://www.sinarharian.com.my/article/755000/berita/semasa/polis-minta-orang-ramai-bantu-jejak-remaja-kanak-kanak-hilang</a>	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	<b>POLIS TAHAN IBU SELEPAS ANAK CEDERA PARAH</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/11/01/polis-tahan-ibu-selepas-anak-cedera-parah/">https://www.tvsarawak.my/2025/11/01/polis-tahan-ibu-selepas-anak-cedera-parah/</a>	TVSARAWAK.MY	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/01/woman-nabbed-for-alleged-physical-abuse-of-four-year-old-son">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/01/woman-nabbed-for-alleged-physical-abuse-of-four-year-old-son</a>	THESTAR.COM.MY	



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



2/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	PEMUDA OKU DISYAKI CABUL BUDAK LELAKI DALAM MASJID SELAT DIREMAN		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/11/01/pemuda-oku-disyaki-cabul-budak-lelaki-dalam-masjid-selat-direman/">https://malaysiagazette.com/2025/11/01/pemuda-oku-disyaki-cabul-budak-lelaki-dalam-masjid-selat-direman/</a>	MALYSIAGAZETTE.COM	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/01/man-arrested-for-alleged-molestation-of-boy-at-pulau-melaka-mosque">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/01/man-arrested-for-alleged-molestation-of-boy-at-pulau-melaka-mosque</a>	THESTAR.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Kerajaan kaji kemungkinan haramkan Roblox, UMI - Nancy Shukri

BERNAMA - November 1, 2025 @ 2:30pm



Nancy menyantuni penduduk setempat semasa menghadiri Program Latih Amal Dan Simulasi Pengurusan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Wisma Kebajikan Masyarakat, Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak, hari ini. - Foto BERNAMA

KUCHING: Kerajaan sedang meneliti kemungkinan untuk mengharamkan aplikasi permainan dalam talian popular Roblox dan UMI, susulan kebimbangan mengenai keselamatan dan kandungan yang mempengaruhi golongan muda.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata perkara itu masih di peringkat perbincangan, dengan keputusan muktamad akan mengambil kira langkah bakal diambil oleh Australia yang merancang melaksanakan peraturan baharu terhadap Roblox pada Disember ini.

"Kita masih menunggu dan melihat bagaimana Australia melaksanakan peraturan itu. Mereka sedang merancang, tetapi belum dilaksanakan.

"Malaysia akan menilai sama ada pendekatan itu sesuai dengan keadaan dan budaya tempatan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Program Latih Amal dan Simulasi Pengurusan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di sini, hari ini.

Beliau mengulas kejadian seorang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun yang cedera parah akibat dikelar abangnya yang berusia sembilan tahun dengan objek tajam di Kampung Parit Nipah, Parit Raja, Batu Pahat pada Isnin lalu.

Ketua Polis Johor Datuk Ab Rahaman Arsad pada satu sidang media tiga hari lalu dilaporkan berkata motif masih dalam siasatan, namun siasatan awal mendapati abang mangsa berkemungkinan mencederakan adiknya selepas permainan Roblox yang dimainkan terganggu dan semua 'point' dikumpulnya hilang.

Sementara itu, kerajaan Australia sedang meneliti sekatan penggunaan Roblox bagi pengguna berusia 16 tahun ke bawah, atas kebimbangan bahawa platform tersebut boleh memberi pengaruh negatif serta dikaitkan dengan beberapa insiden yang mencetuskan perhatian masyarakat antarabangsa.

Menurut Nancy, pelaksanaan dasar di Australia akan dipantau terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan rasmi mengenai aplikasi tersebut.

"Memang benar, perkembangan teknologi seperti ini ada pengaruhnya terhadap kes-kes yang berlaku. Sebab itu kita perlu berhati-hati dan belajar daripada negara lain sebelum membuat keputusan," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## MTL: 9,058 PPS seluruh negara sedia diaktifkan

Nasional - Dicipta: 01 November 2025 02:47 PM



Foto RTM

**KUCHING, 1 November** - Kesemua 9,058 pusat pemindahan sementara (PPS) di seluruh negara dengan kapasiti 2.18 juta orang sedia diaktifkan pada bila-bila masa bagi menempatkan penduduk terjejas banjir.

Selain itu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata kesiapsiagaan menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) turut diperkukuh menerusi sinergi antara Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan pemimpin setempat.

Ini sekali gus dapat mempertingkatkan kemampuan dan kecekapan ketua-ketua komuniti dalam menghadapi bencana.

"Komunikasi yang berkesan membolehkan bantuan kepada penduduk terjejas bencana dapat dilakukan dengan segera," katanya kepada media selepas Perasmian Program Latih Amal dan Simulasi Pengurusan PPS, di sini hari ini.

Program itu antara langkah pengukuhan kesiapsiagaan menghadapi MTL di negeri berkenaan.

JKM Sarawak juga telah bersedia mengaktifkan 765 PPS di seluruh negeri tersebut dengan kapasiti 200,000 orang.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Peningkatan jenayah seksual remaja menuntut penyelesaian segera

Kolum - Dicipta: 01 November 2025 06:06 PM



Foto hiasan

### SAUDARA PENGARANG

Op Pedo Bersepadu 2.0 yang dijalankan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sejak 22 hingga 30 September lalu antara lain mendedahkan pembabitkan kanak-kanak seawal usia 12 tahun dalam jenayah seksual, bukan sahaja sebagai mangsa tetapi pelaku kegiatan itu secara digital.

Penemuan lebih mengejutkan apabila seorang remaja 17 tahun yang ditahan menjana lebih RM76,000 hasil jualan video lucah kanak-kanak dalam talian dalam tempoh sembilan bulan tahun ini.

Pendedahan ini membuktikan masalah jenayah seksual dalam kalangan remaja bawah umur semakin membimbangkan, sekali gus menuntut tindakan dan penyelesaian segera semua pihak mencakupi keluarga, komuniti, sekolah dan pihak berkuasa.

Peralihan moral tingkah laku remaja negara ini yang bukan sahaja menjadi mangsa, malah turut menjadi pelaku jenayah seksual digital mendedahkan sisi gelap masalah sosial belia yang cukup serius dan mula mencabar iltizam dan keberanian masyarakat untuk bertindak segera.

Ironinya pendedahan ini menandakan jenayah seksual remaja bukan kes terencil, tetapi fenomena sosial yang kian merebak. Sebelum ini pihak berkuasa turut melaporkan berlaku peningkatan ketara dalam kes rogol dan sumbang mahram di sebuah negeri dengan remaja bawah umur menjadi pelaku dan mangsa utama. Malah, kita masih segar dengan insiden rogol pelajar perempuan Tingkatan Tiga di sebuah sekolah menengah yang menggemparkan negara.

Jelas, masalah ini semakin serius dan kita tidak boleh berpeluk tubuh, apatah lagi menuding jari menyalahkan pihak lain. Remaja hari ini adalah harapan pewaris bangsa, dan kita tidak boleh membiarkan golongan muda ini hanyut dan merosakkan masa depan melalui tingkah laku tidak bermoral hingga terjebak dalam aktiviti jenayah.

Sudah tiba masanya untuk kita bersetakat memperbetulkan kompas moral golongan remaja agar mereka sedar apa itu betul dan apa itu salah, tahu batas perhubungan dan tingkah laku, ada nilai jati diri yang tinggi berpaksikan ajaran agama yang kukuh sebagai benteng diri, selain ada ilmu pendidikan seksualiti yang betul dan beretika.

Usaha ini menuntut komitmen dan keberanian moral semua pihak berkepentingan. Ibu bapa misalnya tidak boleh lepas tangan atau mengharapkan sekolah semata-mata untuk membentuk sahsiah dan memperbetulkan kompas moral anak-anak. Mereka perlu melaksanakan tanggungjawab sebagai guru pertama kepada setiap anak.

Hakikatnya, baik ilmu agama, pendidikan seksualiti mahupun nilai-nilai moral terpuji semuanya wajar dan perlu bermula dari rumah. Ini tanggungjawab hakiki setiap ibu bapa bagi memastikan anak-anak bersedia bergaul dengan masyarakat dan memasuki alam persekolahan dengan nilai diri yang kukuh.

Misalnya, ibu bapa perlu memberikan pendidikan seksualiti berlandaskan ajaran agama yang betul kepada anak-anak seawal usia, sebelum mereka terdedah kepada pengaruh negatif luar.

Pendidikan akan memudahkan pemahaman anak-anak tentang kepentingan menjaga dan memelihara nilai maruah diri dan tanggungjawab terhadap tubuh serta akhlak masing-masing, selain sedar keperluan untuk menghormati maruah dan keaiban orang lain.

Internet dan media sosial mula menjadi duri dalam daging apabila mempengaruhi tingkah laku negatif belia, namun adakah wajar ibu bapa menyalahkan kemajuan teknologi dan gajet semata-mata tatkala kita yang menyedak kemudahan itu kepada anak?

Ibu bapa tidak boleh lepas tangan sebaliknya perlu kawal penggunaan internet dan gajet dalam kalangan anak-anak. Jangan biarkan anak-anak bawah umur 16 tahun ada media sosial dan melayari kandungan atau laman web yang mengandungi unsur lucah dan jenayah.

Dalam masa sama, peranan guru dan sekolah wajar terus diperkukuh bagi menyuntik nilai moral dan meningkatkan kesedaran terhadap jenayah seksual. Program advokasi berterusan yang efektif dan mudah difahami perlu diperbanyakkan dengan kerjasama pelbagai agensi serta pakar berkaitan.

Kita juga menyokong inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memperkukuh Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS). Namun, memandangkan situasi semakin membimbangkan, pelaksanaannya wajar disegerakan tanpa menunggu Kurikulum Persekolahan 2027.

Kita perlu sedar keadaan semakin mendesak, statistik jenayah seksual remaja semakin meningkat, anak-anak semakin hanyut dengan pelbagai pengaruh negatif, maka inisiatif baik ini perlu disegerakan, malah modul pengajarannya perlu disemak dan ditambahbaik dengan keperluan semasa.

Modul dan garis panduan PEERS ini wajar membimbing ibu bapa dan guru menyampaikan maklumat tepat berkaitan seksualiti, selain memberi panduan dan membentuk nilai serta jati diri remaja dalam membuat keputusan bijak untuk melindungi diri daripada aktiviti berisiko tinggi dan gejala sosial seperti penglibatan dalam jenayah seksual.

Hakikatnya pendidikan dan pengetahuan adalah benteng terbaik yang boleh menyelamatkan remaja dari terus terjerumus dalam pelbagai masalah jenayah seksual.

Adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa, guru dan sekolah serta pihak kerajaan untuk memberikan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya agar belia dapat membuat keputusan dalam mengurus emosi, tingkah laku dan batas seksualiti dengan bijaksana.

Realitinya, generasi muda hari ini sedang berhadapan dengan dugaan dan godaan yang jauh lebih kompleks berbanding generasi terdahulu. Mereka tidak memiliki kematangan yang cukup untuk menapis pengaruh, apatah lagi menangkis ancaman yang hadir dari segenap penjuru.

Maka, semua pihak baik ibu bapa, guru, masyarakat, pihak berkuasa, dan pembuat dasar perlu berganding bahu. Kanak-kanak bukan sekadar waris keluarga, tetapi juga aset negara.

Menangani jenayah seksual remaja bukan lagi pilihan, tetapi tuntutan moral dan nasional yang penting kerana melindungi remaja bererti melindungi masa depan Malaysia.

Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan mahu pun pendirian rasmi RTM.



Noor Mohamad Shakil Hameed  
Timbalan Pengarah (Komunikasi Korporat)  
Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK)  
Universiti Putra Malaysia (UPM)

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Wanita warga emas hilang sejak Selasa ditemui meninggal dunia dalam parit di kebun pisang

BERNAMA - November 1, 2025 @ 6:54pm



Fot hiasan

IPOH: Seorang wanita warga emas yang dilaporkan hilang sejak Selasa lepas (28 Okt) ditemukan meninggal dunia pagi tadi dalam parit di kebun pisang di Kampung Teluk Kerdu, Hutan Melintang dekat Bagan Datuk.

Pemangku Ketua Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak, Shazlean Mohd Hanafiah, berkata mayat Halimah Idris, 77, yang dikatakan mempunyai masalah ingatan (nyanyuk) ditemui pasukan bomba pada 10.50 pagi selepas operasi mencari dan menyelamat (SAR) disambung pagi tadi.

"Pada 9 pagi operasi pencarian melibatkan pelbagai agensi dilakukan di sektor A dan B dengan mengikuti jejak terakhir mangsa dalam radius 5 kilometer ke persisir sungai menggunakan kaedah *sweep search* dan mengaplikasikan teknik LAST (teknik hilang dan selamat)," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata mangsa kemudian dijumpai oleh pasukan SAR di sektor B iaitu di dalam parit di kebun pisang dan disahkan meninggal dunia oleh pihak Kementerian Kesihatan yang berada di lokasi.

Shazlean berkata mangsa dikeluarkan dan seterusnya diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut.

Sebelum ini dilaporkan SAR digerakkan bagi mencari Halimah yang hilang dalam kawasan kebun sawit dan pisang di sekitar rumahnya sejak Selasa lalu.

Mangsa dipercayai kali terakhir dilihat keluarga dan penduduk kampung di sekitar kawasan berkenaan pada 4 petang.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Polis mohon bantuan kesan kanak-kanak, remaja hilang di Puchong

BERNAMA



GAMBAR hiasan

Kuala Lumpur: Polis memohon kerjasama orang ramai bagi mengesan seorang kanak-kanak perempuan, V Kangadevi yang dilaporkan hilang selepas keluar dari rumahnya di Pangsapuri Vista Lavender, Seksyen 3, Taman Kinrara, Puchong, semalam.

Ketua Polis Daerah Serdang Asisten Komisioner Muhamad Farid Ahmad berkata, kanak-kanak berusia 12 tahun itu mempunyai ciri-ciri fizikal kulit gelap, rambut panjang berwarna hitam dan ketinggian 145 sentimeter.

"Pihak polis memohon kerjasama orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkenaan kanak-kanak itu untuk tampil ke mana-mana balai polis berdekatan atau menghubungi pegawai penyiasat Inspektor M Sivanantha di talian 03-80762222," katanya dalam kenyataan hari ini.

Dalam kes berasingan, Muhamad Farid berkata, pihaknya juga sedang mengesan seorang remaja lelaki berumur 15 tahun, Mohammad Iskandar Zulkarnain Abdullah yang dilaporkan hilang sejak keluar dari rumahnya di Bandar Puchong Jaya, Puchong, Selangor, Khamis lalu.

Beliau berkata, Mohammad Iskandar Zulkarnain mempunyai ciri-ciri fizikal kulit cerah, rambut pendek berwarna hitam, ketinggian 162 sentimeter dan bertubuh kurus.

"Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkenaan remaja itu diminta tampil ke mana-mana balai polis berdekatan atau terus menghubungi pegawai penyiasat Inspektor Muhammad Yusof Hasan Ganny di talian 03-80762222," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Foto hiasan Bernama.

## Polis tahan ibu selepas anak cedera parah

By TV5 #bm, Berita Sarawak November 1, 2025 5:40 PM

JULAU, 2 Nov: Polis menahan seorang wanita berusia 21 tahun selepas disyaki mengabaikan anak lelakinya yang berumur empat tahun sehingga mengalami kecederaan parah di Julau.

Ketua Polis Daerah Julau, Deputy Superintendan Alif Haiqal Ramesh Abdullah berkata, laporan diterima pada 21 Oktober lalu apabila mangsa dihantar ke Wad Kecemasan Hospital Sibu dalam keadaan tidak sedarkan diri selepas mengalami pendarahan otak dan retak tengkorak.

Menurutnya, mangsa kini dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) Pediatrik.

"Susulan itu, ibu kandung mangsa ditahan bagi membantu siasatan. Kes disiasat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 kerana mengabaikan kanak-kanak," katanya.

Alif Haiqal berkata, suspek dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Sarikei pada 31 Oktober lalu namun tiada pengakuan direkodkan dan mahkamah tidak menawarkan jaminan.

Suspek kini direman di Penjara Sibu sehingga sebutan semula kes pada 13 November.

Beliau berkata, polis memandang serius pengabaian terhadap kanak-kanak dan menyeru orang ramai lebih peka terhadap keselamatan serta kebajikan mereka.-TV5

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Pemuda OKU disyaki cabul budak lelaki dalam Masjid Selat direman

Oleh **Reza A Hamid** - 1 November 2025



*Pemuda orang kurang upaya berusia 23 tahun direman lima hari oleh Mahkamah Majistret Melaka, Ayer Keroh hari ini kerana disyaki mencabul seorang kanak-kanak lelaki di dalam Masjid Selat, Pulau Melaka, pada waktu solat Jumaat, semalam.*

MELAKA – Seorang pemuda orang kurang upaya (OKU) direman lima hari oleh Mahkamah Majistret Melaka, Ayer Keroh hari ini kerana disyaki mencabul seorang kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun di dalam Masjid Selat, Pulau Melaka pada waktu solat Jumaat semalam.

Perintah reman terhadap suspek OKU pembelajaran berusia 23 tahun itu dikeluarkan Penolong Kanan Pendaftar Nurul Farah Sofea Norazman bermula hari ini sehingga 5 November ini.

Ia bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKSTK) 2017.

Sementara itu, menurut sumber, kejadian berlaku kira-kira jam 1.30 tengah hari semalam ketika mangsa lelaki berusia 10 tahun ditemani keluarganya ibu dan kakaknya ke masjid berkenaan untuk solat Jumaat.

“Suspek berusia 23 tahun yang menjual minyak wangi di kawasan masjid kemudian dikatakan memberikan minyak wangi percuma kepada kanak-kanak itu sebelum mengajaknya naik ke tingkat atas.

“Pemuda OKU pembelajaran itu kemudian mengekori mangsa sebelum dipercayai tiba-tiba memasukkan tangannya ke dalam seluar mangsa dan menyentuh bahagian punggung kanak-kanak lelaki berkenaan,” katanya.

Menurutnya, mangsa kemudian menepis dan menjerit meminta pertolongan sebelum beberapa jemaah yang berada berhampiran datang membantu menahan suspek.

“Mangsa kemudian dibawa ke Hospital Melaka untuk rawatan lanjut manakala suspek ditahan polis bagi membantu siasatan.

“Hasil ujian air kencing mendapati negatif dadah dan suspek tidak mempunyai sebarang rekod jenayah lampau. – MalaysiaGazette